

PARLIMEN: Kerajaan Digesa Saman Penyebar Fitnah Isu Scorpene
Bername
10 Oktober, 2012

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Seorang anggota Parlimen Rabu mendesak Kementerian Pertahanan mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang telah memfitnah kerajaan berhubung pembelian kapal selam Scorpene.

Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim (Bebas-Bayan Baru) berkata, kerajaan sudah mempunyai asas kukuh berikutan kenyataan pendakwa raya Perancis, Yves Charpenel, berhubung ketiadaan sebarang percakapan di negara Eropah itu mengenai pembelian kapal selam berkenaan oleh Malaysia, yang bercanggah dengan dakwaan pihak terbabit.

"Saya percaya kerajaan mempunyai asas-asas yang kukuh untuk mengambil langkah drastik mengemukakan saman malu terhadap pengkhianat-pengkhianat ini.

"Bukan sahaja rakyat ditipu malah golongan yang tidak mengenal malu ini juga telah mengutip derma daripada orang ramai untuk memantau 'percakapan' itu," katanya ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2013 di Dewan Rakyat.

Bercakap kepada pemberita di lobi Parlimen kemudian, Zahrain turut menyarankan supaya undang-undang khusus diwujudkan untuk mengawasi kegiatan ejen asing yang mencampuri urusan dalaman negara ini.

Zahrain berkata Malaysia mungkin berhadapan malapetaka politik, ekonomi dan sosial jika ejen asing terus bersekongkol dengan organisasi tempatan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=701076>